Kertas Jawapan

ATM

1) Terangkan latar masyarakat pada awal cerpen ini. (4 markah)

   Matlamat Latar

   Aras Memahami

Jawapan 1: 3 minit

Latar masyarakat dalam cerpen ini

a) Pelajar-pelajar universiti yang individualistik, sering mengejar masa dan sentiasa sibuk. Contoh Muliati hampir terjatuh semasa berjalan tetapi tiada siapa yang mengendahkannya. Ini menunjukkan bahawa mereka terlalu sibuk dan individualistik untuk menolong seseorang walaupun buat seketika. Namun begitu, tidak semua orang di situ berperangai negative sebegini Riani, seorang rakan baru Muliati, amat kerap menolongnya dengan rela hati, lantas membuktikan ada juga yang berperikemanusiaan dalam masyarakat tersebut. (2 markah)

b) Pelajar-pelajar sekolah menengah yang cemburu akan hubungan Muliati dan Cikgu Balkis. Muliati dan Cikgu Balkis amat rapat sekali sehinggakan mereka kelihatan seperti ibu dan anak. Disebabkan kerapatan ini, pelajar-pelajar di sekolah sering mengumpat dan memperli-perli. Ini menunjukkan suatu perkara atau perbuatan yang keanak-anakan disebabkan perasaan cemburu yang tidak bersebab. (2 markah)

2) Huraikan 3 aspek watak dan perwatakan Muliati dalam cerpen ini. (6 markah)

Matlamat watak dan perwatakan

Aras Menganalisa

Jawapan 2:

a) Muliati merupakan seorang yang bertubuh kurang sempurna akibat satu kemalangan yang menimpanya. Tangan kirinya kudung manakala kedua-dua belah kakinya cacat. Walaupun begitu, kekurangan inilah telah membentuknya menjadi seorang yang lebih bersikap cekal. Akibat kecacatannya, rutin Muliati terganggu; dia memerlukan lebih banyak waktu dan usaha untuk meneruskan hidupnya seperti biasa. Sesuatu semudah berjalan di kampusnya sekarang merupakan cabaran besar. Namun begitu, dia cekalkan hatinya dan teruskan perjuangannya.

b) Muliati juga seorang yang miskin. Kehidupannya bersama neneknya yang sebatang kara lebih susah berbandingkan gaya hidupnya yang lalu. Namun, Muliati seorang yang mampu menyesuaikan dirinya dengan keadaan sekitar; akhirnya dia dapat juga membiasakan dirinya dengan cara kehidupannya yang baru. Sifat [1]cekal hati turut dipamerkan apabila dia dapat meneruskan kehidupannya sebaik yang terdaya setelah kehilangan tubuhnya yang sempurna, walaupun dengan sedikit kesusahan.

c) Selain itu, dia seorang anak yatim; keluarganya telah pun terkorban dalam satu nahas jalan raya. Ini membuatnya seorang yang mendahagakan kasih. Ini ternyata daripada cara dia berpaut kepada perhatian yang dicurahkan Cikgu Balkis kepadanya. Ini dikukuhkan lagi oleh ayat yang difikirkan Muliati, iaitu 'Mengertikah mereka bahawa dahaga keprihatinan seseorang?' (ms 64)

d) Muliati juga seorang yang berijazah. Ini merupakan bukti bagi personanya yang gigih. Dia hampir-hampir hilang semangat perjuangannya apabila Cikgu Balkis enggan menemuinya lagi. Mahupun begitu, dia menguatkan dirinya dan terus berusaha agar kejayaannya tidak terkilan. Ternyata usaha gigihnya sudah berbuah.

e) Akhir sekali, Muliati asyik teringat akan Cikgu Balkis sepanjang perjalanan cerita ini. Walaupun empat tahun sudahpun berlalu semenjak dia menerima ijazahnya, wajah Cikgu Balkis masih terbayang-bayang di mindanya. Dia sedar akan pengorbanan guru tersayangnya terhadap dirinya. Ini bermakna Muliati seorang yang mengenang jasa. Dia bersyukur ke atas keprihatinan Cikgu Balkis dan inginkan gurunya tersebut tahu akan kejayaannya; niatnya adalah untuk menggunakan kejayaan hasil titik peluhnya itu sebagai satu tanda berterima kasih. Jelas bahawa Muliati bukannya kacang melupakan kulit.

*setiap jawapan 2 markah

3) Adakah wajar bagi Muliati untuk mengharapkan Cikgu Balkis mencurahkan sepenuh kasih sayang terhadap dirinya? Berikan 3 sebab untuk menyokong jawapan kamu.

(10 markah)

Matlamat persoalan

Aras Menilai

Jawapan 3:

Wajar / Tidak wajar. (1 markah)

Sebab-sebab yang munasabah dapat diterima.

Persoalan-persoalan yang terdapat dalam cerpen boleh menjadi penyokong jawapan pelajar.

a) Sikap tidak mahu berterus terang kadang kala disalah anggap oleh orang lain
b) Cemburu dan iri hati
c) Gangguan emosi menyebabkan hilang pertimbangan fikiran
d) Kasih sayang dan keprihatinan seorang guru.
e) Kecacatan tidak menghalang seseorang untuk mengecapi kejayaan
f) Kegigihan mencapai cita-cita untuk berjaya

*Setiap sebab 3 markah. Hanya 3 sebab diperlukan.